

09/09/2003

Majlis rapatkan keharmonian kaum

SUBANG JAYA: Seramai 300 kanak-kanak berusia tiga hingga 12 tahun menyertai peraduan mewarna sempena sambutan Bulan Kemerdekaan penduduk USJ 14 Subang Jaya di Kompleks Sekolah Wawasan Subang Jaya, Ahad lalu.

Peraduan mewarna itu dianjurkan MOY Publications. Setiap kanak-kanak melukis lakaran kartun bertemakan `Kemerdekaan'. Selain itu, acara lain yang diadakan termasuk kempen menderma darah anjuran Pusat Darah Negara dan perlawanan bola sepak persahabatan.

Kemesraan jelas terbayang pada wajah mereka dan penduduk pelbagai kaum ketika berinteraksi pada sambutan itu yang dirasmikan oleh Ahli Parlimen Subang, Tan Sri K S Nijhar.

Nijhar berkata, mereka yang hadir pada majlis itu bukan datang kerana paksaan, tetapi disebabkan semangat muhibah dan persefahaman erat antara kaum.

"Ini membuktikan perjuangan pemimpin negara, yang dipelopori Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj dan kini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengekalkan keharmonian kaum, menepati matlamat mengurangkan jurang perkauman," katanya.

Hadir sama Timbalan Ketua Umno Bahagian Subang, Datuk Yahya Bujang dan Ketua Umno Cawangan USJ 14 Subang Jaya, Azli Mohammad.